



## SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(b)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.**


**PEGAWAI KESIHATAN KANAN (B.3)  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Kementerian Kesihatan**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**1. PEGAWAI KESIHATAN KANAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang-bidang seperti berikut atau bidang bersesuaian:


- *Epidemiology.*
- *Excercise Physiology.*
- *Eye Health / Optometry.*
- Kesihatan Awam.
- Komunikasi Massa.
- *Nutrition.*
- Pemasaran.
- Perhubungan Media.
- Promosi / Pendidikan Kesihatan.
- Psikologi.
- *Research Methodology.*
- Sains / Sains Perubatan / Sains Kesihatan.
- *Sport Science.*

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

ii) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**


2. Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
3. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

### **PUSAT PROMOSI KESIHATAN:**

1. Membantu Ketua Pusat Promosi Kesihatan / Pengurus Program dalam menyelaras program-program promosi kesihatan termasuk merancang, membentuk, melaksana, memantau dan menggalakkan penglibatan orang ramai dalam program tersebut;
2. Membantu Ketua Pusat Promosi Kesihatan / Pengurus Program sebagai pegawai rujuk dalam hal ehwal yang berkaitan dengan program promosi kesihatan tertentu;
3. Membantu Ketua Pusat Promosi Kesihatan / Pengurus Program dan bertanggungjawab dalam pembentukan dan perlaksanaan dasar-dasar, strategi-strategi, garispandu dan peraturan yang mendokong program promosi kesihatan dan yang selaras dengan perancangan strategik Kementerian Kesihatan;
4. Memantau serta memastikan pengemaskinian dan penyemakan semua dasar yang sedia ada dari semasa ke semasa agar dasar-dasar tersebut relevan dan selaras dengan dasar-dasar negara terkini dan hala tuju sektor kesihatan dan negara;
5. Berperanan sebagai penggerak utama, penyelaras / pemudahcara / pemantau / penganalisa program atau aktiviti promosi kesihatan yang berskala besar;
6. Menghasilkan strategi komunikasi atau menggunakan pendekatan komunikasi yang relevan bagi program promosi kesihatan berkaitan dan memastikan perlaksanaan dan penyampaian komunikasi yang efektif di antara Kementerian Kesihatan dengan pihak berkepentingan (*stakeholder*) *internal* dan *external* serta berkebolehan dalam menghadapi orang ramai termasuk wartawan dan media massa;
7. Mengendalikan kerja-kerja pentadbiran dan pengurusan sumber dan kakitangan Pusat Promosi Kesihatan bila diperlukan;
8. Membantu menyediakan perancangan perbelanjaan tahunan dan mengurus hal-hal kewangan Pusat Promosi Kesihatan;
9. Membantu Ketua Pusat Promosi Kesihatan / Pengurus Program dalam menyediakan perancangan dan pelan kerja serta laporan tahunan Pusat Promosi Kesihatan dan memantau perkembangan dan pencapaian Pusat Promosi Kesihatan;



10. Sebagai *leader* dan *developer* bagi sebahagian program perkembangan profesional yang berkenaan dan juga untuk memenuhi keperluan latihan pegawai dan kakitangan di Pusat Promosi Kesihatan;
11. Jika berkenaan, mewakili Negara dalam menghadiri persidangan atau mesyuarat antarabangsa, kursus atau bengkel meningkatkan profesionalisme dan sebagainya; dan
12. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pusat Promosi Kesihatan atau pegawai atasan dari semasa ke semasa jika diperlukan.